



## APPENDIKS 1

### NOTA KEPADA EDITOR: RINGKASAN INISIATIF PENSTRUKTURAN SEMULA AKAUN KWSP

1. Inisiatif Penstrukturan Semula Akaun KWSP adalah bertujuan untuk meningkatkan keselamatan pendapatan persaraan ahli di samping memenuhi keperluan kitaran hidup semasa mereka.
2. Di bawah inisiatif ini, akaun ahli KWSP akan distruktur semula daripada dua (2) akaun iaitu Akaun 1 dan Akaun 2 kepada tiga (3) akaun iaitu Akaun Persaraan, Akaun Sejahtera dan Akaun Fleksibel di mana caruman baharu yang diterima selepas tarikh kuatkuasa akan diagihkan seperti berikut: 75% kepada Akaun Persaraan, 15% kepada Akaun Sejahtera dan 10% kepada Akaun Fleksibel.
3. Akaun Fleksibel merupakan akaun baharu yang diperkenalkan untuk memenuhi keperluan jangka pendek ahli. Simpanan dalam Akaun Fleksibel boleh dikeluarkan oleh ahli pada bila-bila masa untuk sebarang tujuan, tertakluk kepada amaun minimum pengeluaran sebanyak RM50.
4. Pada tarikh kuat kuasa struktur akaun baharu, Akaun Fleksibel ahli akan bermula dengan baki sifar. Ahli diberikan pilihan untuk memindahkan sebahagian daripada baki simpanan yang ada dalam Akaun Sejahtera mereka (sebelum ini Akaun 2) sebagai amaun permulaan dalam Akaun Fleksibel. Tujuan ahli diberikan pilihan pindahan amaun permulaan ke Akaun Fleksibel ini adalah bagi membolehkan ahli membuat pengeluaran daripada Akaun Fleksibel tanpa perlu menunggu caruman baharu.
5. Tempoh bagi ahli membuat pilihan pindahan amaun permulaan ini akan dibuka mulai 11 Mei 2024 sehingga 31 Ogos 2024, di mana pilihan ini boleh dibuat sebanyak satu (1) kali sahaja dalam tempoh tersebut dan pilihan itu tidak boleh dibatalkan. Amaun yang akan dipindahkan adalah berdasarkan baki Akaun Sejahtera ahli semasa pilihan ini dibuat.
6. Contoh pindahan simpanan bagi ahli yang memilih untuk mempunyai amaun permulaan dalam Akaun Fleksibel adalah seperti berikut:

**Senario 1:** Ahli yang mempunyai simpanan sebanyak RM3,000 dan ke atas dalam Akaun Sejahtera:


- Sepuluh per tiga puluh (10/30) daripada simpanan dalam Akaun Sejahtera akan dipindahkan ke Akaun Fleksibel;
- Lima per tiga puluh (5/30) daripada simpanan dalam Akaun Sejahtera akan dipindahkan ke Akaun Persaraan; dan
- Lima belas per tiga puluh (15/30) akan dikekalkan dalam Akaun Sejahtera.

**Senario 2:** Ahli yang mempunyai simpanan kurang daripada RM3,000 dalam Akaun Sejahtera:

- Akaun Sejahtera yang mempunyai simpanan RM1,000 dan ke bawah, semua amaun dipindahkan ke Akaun Fleksibel.
- Akaun Sejahtera yang mempunyai simpanan melebihi RM1,000 dan tidak melebihi RM3,000, amaun yang dipindahkan ke Akaun Fleksibel adalah RM1,000, manakala baki adalah kekal dalam Akaun Sejahtera.

Tiada pindahan akan dibuat ke Akaun Persaraan bagi simpanan dalam Akaun Sejahtera yang kurang dari RM3,000.

Ringkasan pindahan amaun permulaan adalah seperti di bawah:



7. Ahli boleh membuat pengeluaran daripada Akaun Fleksibel pada bila-bila masa untuk sebarang tujuan, tertakluk kepada amaun minimum pengeluaran sebanyak RM50.
8. Permohonan bagi pengeluaran daripada Akaun Fleksibel boleh dibuat melalui KWSP i-Akaun atau di mana-mana cawangan KWSP di seluruh negara.
9. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Soalan Lazim di [www.kwsp.gov.my](http://www.kwsp.gov.my) atau aplikasi KWSP i-Akaun.